

25 FEB 2000

BELANJAWAN-MAHATHIR/I

M'SIA BOLEH KEMBALI KEPADA KADAR PERTUMBUHAN 8 PERATUS SEBELUM KRISIS,
KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Malaysia boleh mencapai semula kadar pertumbuhan 8.0 peratus keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang dicatat dalam tempoh sebelum krisis memandangkan KDNK 5.4 peratus menggalakkan yang dicatat dalam tahun 1999, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini.

Beliau juga berkata penetapan ringgit pada RM3.80 berbanding dolar AS akan kekal "melainkan jika terdapat tekanan yang kuat (untuk mengubahnya), seperti penurunan nilai baht sebanyak 50 peratus yang akan menjadikan Malaysia kurang berdaya saing."

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita di Bangunan Parlimen di sini selepas pembentangan semula Belanjawan 2000 oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Menyentuh tentang saham-saham Central Limit Order Book (CLOB) International yang dibekukan, Dr Mahathir berkata pemegang-pemegang saham berkenaan harus berfikiran waras dan menerima tawaran untuk membeli saham mereka pada harga diskaun.

Ketiga-tiga pihak yang membuat tawaran membeli terpaksa menyimpan saham-saham ini dan tidak boleh menjualnya serta merta, menyebabkan mereka menghadapi risiko penurunan harga, katanya.

-- BERNAMA